

## LATAR BELAKANG SEJARAH MASHARAKAT INDIA DAN CHINA DI TANAH MELAYU

*oleh*

**Khoo Kay Kim**  
*Jabatan Sejarah*  
*Universiti Malaya*

### **Kaum India**

Imigresen orang India ke Tanah Melayu dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat. Dalam peringkat pertama yang mungkin telah berlaku disekitar awal tahun2 Masehi, hubungan diantara Negeri Kedah dengan Negeri India sungguh rapat. Kebanyakan orang India yang datang pada masa itu ialah pedagang dan tukang yang beragama Buddha dan Jain. Pelabuhan2 dimana mereka itu bertapak ialah Sungai Bujang, Sungai Merbok dan Kuala Muda. Mulai lebih kurang abad yang ke-6 atau ke-7, pengaruh agama Hindu munchul dikawasan ini khasnya mazhab *Saivite* dan *Vaishnavite*. Di Bukit Choras, Bukit Mertajam, Bukit Meriam dan Bukit Kedah masih terdapat peninggalan pengaruh itu.

Pada abad yang ke-13 dan ke-14, dengan beransur2 kegiatan2 pedagang India yang awal itu telah merosot dan peranan mereka diambil alih oleh pedagang2 yang beragama Islam dari Bengal, Golconda, Coromandel dan Gujerat. Proses itu berlaku semasa agama Islam tersebar dengan kadar yang pesat di Nusantara. Pengaruh golongan ini di Melaka terlampau kuat. Tidak kechil bilangan mereka yang menduduki tempat yang tinggi didalam Kerajaan Melaka. Assimilasi dengan anak bumiputera turut berlaku. Ketika orang Portugis datang ke Melaka didapati kapal2 orang India berselerak di Selat Melaka. Perniagaan orang India itu tidak terhad kepada pelabuhan Melaka saja, mereka juga sentiasa singgah di Kedah, Ujong Salang dan Perak untuk membeli gajah, timah dan lada. Di Melaka sendiri telah didirikan sebuah kampong yang diberi nama Kampong Kling.

Setakat itu orang India yang datang ke Tanah Melayu, pada dasarnya, terdiri daripada pedagang dan tukang. Mulai abad yang ke-19, munchul suatu peringkat lagi dalam proses imigresen orang India ke Tanah Melayu. Pada 1820an setelah ditandatangani Perjanjian Inggeris-Belanda dan British telah mengundur diri dari Sumatera, ramai orang tawanan bangsa India telah dipindah ke Negeri2 Selat. Mereka telah digunakan untuk membina bangunan dan jalan. Mulai 1840an apabila ladang2 tebu dibuka di Pro-

vince Wellesley, banyak juga buruh India yang telah diimpot. Bilangan mereka kian bertambah pada 1880an akibat pembukaan ladang2 kopi di Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi peringkat yang paling mustahak sekali dalam imigrasi orang India ke negara ini berlaku mulai tahun 1910. Ini, sebagaimana sudah diketahui umum, ada kaitan sechara langsung dengan pembukaan ladang2 getah. Kalau diantara 1880 dengan 1900 bilangan orang India yang datang tiap2 tahun berjumlah lebih kurang 20,000; diantara 1910 dengan 1921, bilangan buruh yang direkrut tiap2 tahun ialah lebih kurang 100,000. Kebanyakan daripada mereka itu bermastautin di Perak, Selangor, Kedah dan Negeri Sembilan. Tidak kechil juga bilangan orang India yang tiba di Negeri2 Selat tiap2 tahun. Mereka mendapat pekerjaan di Municipality, Perkhidmatan Keretapi, Jabatan Kerja Raya dan Pengkalan Laut (di Singapore).

**Di Negeri2 Melayu Bersekutu**

	1911	1921	1931	1940
Perak	73,539	131,324	159,152	196,945
Selangor	74,067	132,545	155,924	194,291
N. Sembilan	18,248	33,658	50,100	59,472
Pahang	6,611	8,692	14,820	17,321
Jumlah	172,465	305,219	379,996	468,029

**Di Negeri2 Selat**

Singapura	27,990	32,456	51,019	—
Pulau Pinang	46,565	53,339	58,020	—
Melaka	1,276	7,500	23,238	—
Jumlah	75,831	93,295	132,277	420,841

**Di Negeri2 Melayu Tak-Bersekutu**

Johor	5,659	24,180	51,038	58,622
Kedah	6,074	33,004	50,824	61,161
Kelantan	731	3,575	5,752	7,680
Perlis	114	811	966	1,126
Trengganu	61	211	1,371	1,421
Jumlah	12,639	62,581	110,951	130,010

Beberapa ciri masyarakat India harus diperhatikan. Kaum India memang bukan suatu golongan yang *homogeneous*. Yang pertama, lebih kurang 90 peratus daripada penduduk2 India di Tanah Melayu berasal dari India Selatan. Dan diantara mereka yang berbahasa Tamil merupakan golongan yang paling besar sekali:

#### Komposisi Kaum India di Tanah Melayu

	1921	1931
Tamil	387,509	514,778
Malayali (termasuk Malabari) <sup>1</sup>	17,190	34,898
Thelugu	39,986	32,536
Golongan2 dari India Utara <sup>2</sup>	25,495	39,635
Jumlah	470,180	621,847

Pusat2 darimana orang India bertolak ke Tanah Melayu ialah:

Chittoor	Arcot
Chinglepet	Salem
Coimbatore	Tanjore
Madura	Trichinapoly
Malabar	Vizagapatam

Faktor2 lain yang membahagikan kaum India ialah (i) bahasa (ini ada kaitannya dengan tempat2 dari mana mereka berasal) dan (ii) kasta. Maka tiap2 golongan logat mempunyai persatuan2 yang tersendiri dan dikalangan kasta2 itu juga telah muncul pertubuhan yang berasingan. Yang mula2 sekali ditubuhkan ialah persatuan Natukottai Chetty, suatu kasta pedagang yang amat berpengaruh dikalangan mereka yang berbahasa Tamil. Kasta **Maruthuvar** (tukang rambut dan mereka yang ahli dalam perubatan asli India) juga mempunyai sebuah persatuan yang diberi nama **Maruthuvar Sangam**. Salah satu kasta bawahan yang juga terdapat di Tanah Melayu dikalangan kaum India ialah **Adhi Dravidar**.

Walau pun sebilangan besar daripada kaum India di negara ini bekerja sebagai buruh kasar, orang India juga memainkan peranan penting dalam bidang2 lain. Mungkin yang paling berpengaruh diantara mereka ialah golongan pedagang. Mereka ini telah bermastautin dimerata tempat di Tanah Melayu. Banyak kedai2 buku, runchit dan kain adalah kepunyaan mereka. Kebanyakan daripada mereka ini terdapat di Pulau Pinang Tidak

<sup>1</sup> 'Malayali' merujuk kepada mereka yang bukan beragama Islam; yang beragama Islam ialah 'Malabari'.

<sup>2</sup> Diantara mereka yang berasal dari India 'Utara, kebanyakannya ialah orang Punjabi (berbeda dengan Bengali) yang beragama Sikh. Mereka biasanya bekerja sebagai polis dan penjaga. Ada sebilangan juga yang menjadi pemberi wang pinjaman.

kurang pentingnya ialah golongan ikhtisas, khususnya para peguam yang terdiri daripada orang India berpelajaran Inggeris.

Ugama juga merupakan suatu faktor yang membahagikan orang India. Di negara ini terdapat orang India yang memeluk ugama Hindu, Sikh, Kristian dan Islam. Seperti zaman yang lebih awal ramai diantara kaum Muslimin itu terlibat didalam perniagaan. Mereka sentiasa berulang alik diantara Negeri India dengan Tanah Melayu dan merupakan pembawa khabar India yang amat penting.

Tetapi ada beberapa faktor juga yang dapat mendorong perpaduan orang India. Yang pertama, 90 peratus daripada kaum India disini berasal dari India Selatan dan sebilangan besar berbahasa Tamil. Maka kebudayaan yang unggul ialah kebudayaan Tamil. Yang kedua, yang beragama Hindu jauh melebihi golongan2 lain. Dimana2 saja orang India menetap disana kuil didirikan. Banyak dewa dewi yang dipuja, antara lain, Kali, Mariamman, Aiyandar, Vairavar, Muniandy, Mathurai Veeran. Perayaan2 diadakan tiap2 tahun, setengah2nya sechara besar2an seperti Thaipusam di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dan Sithraparuvam di Teluk Anson.

Sehingga Perang Dunia II, kaum India disini mempunyai pertalian yang rapat dengan Negeri India dan perkembangan2 politik di India tetap memberi kesan kepada mereka. Maka olah kerana orang India disebelah utara yang mula2 sekali terlibat dalam gerakan politik yang radikal, pengaruh2nya terlihat di Tanah Melayu. Sebelum Perang Dunia I, suatu gerakan menentang British yang diberi nama **Ghadr** (Pemberontakan) telah muncul dikalangan orang Sikh. Walau pun perkumpulan militan itu sebenarnya diasaskan pada tahun 1913 di Washington, dimana terdapat sebilangan Sikh, gerakan itu mendapat sambutan yang hangat di Negeri India. Kaum Sikh di negara ini juga terlibat dalam gerakan itu khususnya di tempat2 dimana ramai orang Sikh telah menetap iaitu Negeri Perlis dan Negeri Kedah. Pada ketika berlakunya Perang Dunia I, akibat permusuhan diantara Britain dengan Negeri Turki, yang pada masa itu dianggap olah kaum Muslimin sebagai negara Islam yang utama, orang2 Islam di India telah bangkit menentang Inggeris. Dibawah pimpinan Mohamed dan Shaukat Ali, gerakan **Khilafah** telah timbul di India. Perasaan benchi pada British merupakan suatu faktor penting yang menyebabkan berlakunya Dahagi di Singapura pada tahun 1915. Itu merupakan suatu pemberontakan olah askar India dalam *The 5th Infantry Regiment* yang kebanyakannya beragama Islam. Gerakan **Khilafah** itu mendapat sokongan daripada para pedagang juga dan sebagaimana di Negeri India dimana Gandhi dapat mencapai perpaduan dengan Mohamed dan Shaukat Ali, maka di Tanah Melayu sehingga awal 1920an disamping mendukung chita2 **Khilafah**, pedagang2 India yang beragama Islam telah juga

memainkan peranan penting dalam usaha<sup>2</sup> menyebarkan nasionalisma India yang dilambangkan oleh dasar tak kerjasama anjuran Gandhi dan pemakaian kain **Khadder**. Golongan inilah yang menyebarkan risalah<sup>2</sup> dan penerbitan<sup>2</sup> berkenaan dengan perjuangan<sup>2</sup> di India. Dan apabila perselisihan berlaku di Negeri India diantara kaum Hindu dan kaum Muslimin mulai 1923, maka kegiatan<sup>2</sup> politik orang India di Tanah Melayu juga turut merosot. Tetapi pada masa itu suatu gerakan menentang British yang baru telah muncul dikalangan kaum Sikh. Gerakan ini yang dikenal sebagai gerakan Akali juga mendapat sokongan daripada sejumlah orang Sikh. Pada dasarnya, kaum Tamil yang beragama Hindu agak lewat sedikit memberi sambutan kepada gerakan<sup>2</sup> politik. Ini juga disebabkan oleh keadaan yang wujud di Negeri India sendiri. Sehingga 1920an hanya kaum Brahmin Tamil Nadu (Tanah Tamil) yang berkecimpung didalam gerakan politik yang dipimpin oleh Kongres India. Mulai tahun<sup>2</sup> 1920an kaum Tamil daripada kasta<sup>2</sup> yang lebih rendah bangun membantah kedudukan Brahmin. Dengan itu muncul gerakan islah yang disifatkan sebagai gerakan Adhi Dravidar. Perkembangan ini yang dengan beransur<sup>2</sup> menggalakkan kaum Tamil bawahan untuk berpolitik. Di Tanah Melayu gerakan Adhi Dravidar ini juga diwujudkan. Rengkasnya, pola kegiatan politik kaum India di Tanah Melayu tidak jauh berbeda dengan pola kegiatan politik di Negeri India.

Jelas sekali, sebagai suatu kaum yang besar di negara ini, orang India hidup terpenchil daripada kaum<sup>2</sup> besar lain (khususnya Melayu dan China). Dibidang ekonomi dan politik, juga dari segi kehidupan budaya, kaum India memperlihatkan ciri<sup>2</sup> yang tersendiri.

---

Untuk bacaan selanjutnya mengenai orang India di Tanah Melayu, lihat P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur, 1961; S. Arasaratnam *Indians in Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur, 1970; R.B. Krishnan, *The Indians in Malaya*, Singapore, 1936; J.F.A. McNair, *Prisoners Their Own Warders*, Westminster, 1899; C. Kondapi, *Indians Overseas, 1839-1947*, New Delhi, 1951; K.A. Neelakandha Aiyer, *Indian Problems in Malaya*, Kuala Lumpur, 1938; U. Mahajani, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, Bombay, 1960; N.S. Ginsberg & C. F. Roberts, *Malaya*, Seattle, 1958; N.J. Parmer, *Colonial Land Policy and Administration*, New York, 1960; K.S. Sandhu, *Indians in Malaya, Immigration and Settlement, 1786-1957*, Cambridge, 1969; M. Jagatheesan, *Immigration of Indian Labour into Malaya (1867-1910)*, Kajian Ilmiah, Singapura, 1955; K. Jegadeva, *Indian Immigration into Malaya (1910-1941)*, Kajian Ilmiah, Singapura, 1959; C.A. Vlieland, "Population of Malay Peninsula - A Study in Human Migration", *Geographical Review*, Vol. 24, 1934; Dr. L. Sundram, "International Aspects of Indian Emigration", *Asiatic Review*, Oct. 1930.

## Kaum China

Orang China juga telah lama berada di Tanah Melayu kerana perdagangan, dan sebilangan kecil pernah menetap disini khususnya pada zaman Kesultanan Melaka. Pada kurun2 yang berikut, terdapat juga penduduk2 China di negeri2 Melayu di sebelah timur. Pada abad yang ke-18 pelombong2 China telah dibawah oleh Kuasa Belanda untuk mengerjakan lombong di Negeri2 Melayu Barat. Tetapi pelombong2 itu tidak lama bermastautin di Tanah Melayu. Kekacauan politik mendatangkan kesan2 yang buruk kepada perusahaan timah dan pelombong2 itu turut berpindah ke tempat2 lain. Maka peringkat yang lebih penting dalam sejarah kedatangan orang China ke Tanah Melayu bermula pada pertengahan abad yang ke-19. Ini berlaku semasa pembukaan lombong2 di kawasan2 Larut, Klang dan Sungai Ujung. Tidak kurang penting juga sebagai daya penarik ialah pembukaan Pulau Pinang dan Singapura sebagai pelabuhan2 antara-bangsa. Sesungguhnya, Negeri2 Selat-lah yang merupakan pengkalan untuk imigren China memasuki kawasan2 perlombongan itu.

Sesudah pertadbiran British diperkenalkan, kadar imigresen orang China bertambah pesat kerana dalam proses memupuk pembangunan ekonomi kapitalis, British menggalakkan pertumbuhan penduduk2 buruh. Mulai tahun 1911, hampir tiap2 tahun lebih daripada suatu juta orang China datang kenegara ini, tetapi disamping itu beratus2 ribu kembali keNegeri China:

	1921	1931	1947
Negeri2 Melayu	855,863	1,284,888	1,884,534
Singapura	316,877	419,564	730,133

Kaum China juga bukan suatu golongan yang *homogeneous*. Yang terutama sekali, mereka berasal daripada beberapa wilayah diNegeri China — Kwangtung, Fuchien dan Kwangsi. Tiap2 wilayah itu dibahagikan lagi kepada beberapa **tao** yang mengandungi beberapa daerah yang lebih kecil lagi iaitu yang pertama, **fu**, yang kedua **chow** dan yang ketiga **t'ing**. Daerah2 itu kemudian dibahagikan lagi. Maka tempat asal orang China itu merupakan suatu unsur pembahagian dalam kehidupan sosial mereka. Tambahan pula perchapkan mereka memperlihatkan perbezaan yang jelas

Antara orang China yang berasal dari wilayah Kwangtung ialah:  
**Orang Canton** — lebih biasa dikenal sebagai **pun tei** (orang tempatan) kerana merekalah yang dianggap sebagai penduduk asal wilayah Kwangtung. Kebanyakan daripada mereka ini datang dari daerah2 seperti Nam Hoi, Sam Sui, Sin Foo, San Wui dan Phun Yu.

- Orang Hakka** — mereka ini dianggap sebagai ‘tetamu’ diwilayah Kwangtung kerana tempat asal mereka ialah disebelah utara. Suku ini juga terdiri daripada beberapa golongan: Fui Chew, Kah Yeng Chew, Chen Sang dan Tai Pu (dari Teochew fu). Suku Hakka juga terdapat diwilayah *Fuchien*.
- Orang Teochew** — kebanyakan orang ini berasal dari daerah2 seperti Hai Ion, Teoh Ion, Theng Hai dan Tai Pu (Hakka). Perchakapan mereka lebih hampir dengan logat Hokkien.
- Orang Hailam** — dari Pulau Hainan, daerah2 Lo Wei dan Bun Sio. Perchakapan mereka juga hampir dengan logat Hokkien.

Orang Hokkien di Tanah Melayu, ini juga berasal daripada beberapa fu — Chuan Chew, Eng Hwa, Eng Choon dan Foochow dan khasnya daripada beberapa daerah seperti Nam Aun, Tang Aun, Chin Kang, Liong Khe, Hai Teng, Chion Pho, Hui Aun dan Nam Cheng. Orang Kwangsi (Kongsai) tidak begitu ramai — ada suatu pemusatan dikawasan Lenggong-Grik dan dan juga di Bentong (Pahang).

Pekerjaan satu2 golongan juga berbeza dengan golongan2 lain. Mithalnya, kebanyakan orang Hokkien adalah pedagang khasnya dibidang ekspot dan impot. Maka ramai orang Hokkien bermastautin dipelabuhan2 yang penting seperti Pulau Pinang, Melaka, Singapura dan Teluk Anson. Dikawasan2 perlombongan terdapat kebanyakan orang Hakka kerana sebilangan besar daripada pekerja2 lombong adalah golongan ini. Tetapi dengan munculnya bandar2 yang besar di beberapa tempat di Tanah Melayu, dengan beransur2 penduduk Hokkien meningkat naik. Maka pada keseluruhannya, bilangan Hokkien melebihi golongan2 lain:

	1921	1931	1947
Hokkien	398,566	617,086	905,324
Canton	331,757	417,852	641,945
Hakka	217,697	317,506	437,407
Teochew	130,026	208,681	364,232
Hailam	68,200	97,568	157,649
Kwangsi	998	46,095	71,850

Orang Teochew menumpukan perhatian kepada pertanian dan perikanan. Maka ditempat2 dimana ladang2 gambir, lada dan tebu dibuka pada pertengahan abad yang ke-19 – iaitu di Jhor dan Province Wellesley – ramai orang Teochew datang menetap disitu. Begitu juga dikawasan pantai, negeri Perak, terdapat ramai orang Teochew yang menchari penghidupan sebagai nelayan. Tempat2 itu ialah seperti Tanjung Piandang, Kurau, Gula, Port Weld dan Pantai Remis. Orang Hailam, sebelum Perang Dunia II, bekerja sebagai orang gaji khasnya dirumah2 orang barat dan juga sebagai buruh diladang2 getah.

Maka dimana2 saja orang China telah menetap, persatuan2 ditubuhkan untuk menjaga kepentingan tiap2 satu golongan. Ada persatuan yang ditubuhkan khas untuk orang China daripada setiap wilayah – mitalnya, Persatuan Kwangtung, Hokkien Kongsi dan sebagainya. Disamping itu ada juga persatuan2 yang keanggotaannya terhad kepada golongan2 yang lebih kecil baik golongan yang berasal dari satu2 fu atau daerah – mitalnya, Persatuan Fui Chew, Persatuan Kongchow, Persatuan Eng Choon, Persatuan Eng Hwa – mahu pun golongan2 yang merupakan **surname groups** seperti Khoo Kongsi, Tan Kongsi dan Lim Kongsi.

Kongsi2 gelap juga merupakan suatu aspek kehidupan sosial orang China selain daripada kongsi2 lain. Pada peringkat awal, iaitu pada awal abad yang ke-19, kongsi2 gelap itu adalah warisan daripada perkembangan di Negeri China sendiri dimana kongsi2 gelap telah ditubuhkan sejak dari masa munculnya Wangsa Manchu di Negeri China. Kongsi2 gelap itu bertujuan menggulingkan Wangsa Manchu dan menghidupkan kembali Wangsa Ming. Maka pada ketika awal itu hanya kongsi gelap Tien Ti Hoey yang wujud di Tanah Melayu iaitu di Melaka, Pulau Pinang, Singapura dan Sungai Ujung. Lama kelamaan, perpechahan berlaku diantara anggota2 Tien Ti Hoey dan berpuluh2 kongsi gelap telah muncul di beberapa tempat. Yang paling berpengaruh sekali ialah Ghi Hin yang sebenarnya merupakan nama baru untuk Tien Ti Hoey. Dan olih kerana orang China terdiri daripada beberapa suku, maka di Singapura, mitalnya, pada pertengahan abad yang ke-19 telah diasaskan Ghi Hin untuk orang2 Hokkien, Canton, Teochew, Hakka dan Hailam masing2. Disamping itu ada juga kongsi2 gelap yang diberi nama Ghi Hock, Hai San, Ghi Law, Hin Beng, Tai Beng, Keng Teik dan sebagainya. Di Pulau Pinang pula muncul Ghi Hin, Hai San, Toa Peh Kong, Chin Chin, Ho Seng dan Ho Hup Seah. Di negeri2 Melayu, Ghi Hin dan Hai San merupakan dua kongsi gelap yang amat berpengaruh. Di Sungai Ujung telah ditubuhkan suatu kongsi gelap lain yang dikenal sebagai Sung Pak Kun. Kongsi2 gelap ini yang merupakan pertubuhan2 ketenteraan memberi kesempatan kepada orang China untuk mendirikan imperium in imperio. Perselisihan2 dikalangan orang China sentiasa meng-



akibatkan kekacauan kerana adanya kongsi2 gelap. Pemerintah British hanya mengambil langkah yang lebih tegas untuk mengharamkan kongsi2 gelap pada penghujung abad yang ke-19. Walau bagaimana pun pertubuhan2 sulit itu tak dapat dihapuskan.

Sebagaimana orang India disini, orang China juga terlampau kuat dipengaruhi oleh perkembangan politik dinegeri leluhur mereka. Gerakan2 islah dan revolusi yang dipimpin oleh Kang Yu-wei dan Dr. Sun Yat-sen mempunyai penyokong2 masing2 disebelah sini. Dan dengan berjayanya Kuomintang dalam Revolusi Negeri China pada tahun 1911, maka pada tahun 1912, suatu chawangan Kuomintang pun diasaskan di Singapura. Dalam beberapa bulan saja, chawangan2 Kuomintang telah juga diwujudkan di beberapa bandar dalam Tanah Melayu. Perjuangan Kuomintang mendorong pertumbuhan nasionalisma dikalangan kaum China diseborang laut. Usaha2 untuk menyatupadukan orang China di Negeri China memberi kesan juga kepada penduduk2 China di Tanah Melayu. Mithalnya, mulai 1920an, sekolah2 China moden mulai dibuka dan dalam sekolah2 moden ini Bahasa Mandarin yang digunakan sebagai Bahasa pengantar, pada hal pada tahun2 yang lebih awal logat2 yang merupakan bahasa pengantar. Tambahan pula, ramai orang China 1 mendermakan wang guna membantu perjuangan Kuomintang yang sesungguhnya, hingga penghujung 1920an, tidak dapat menguasai Negeri China dengan chara yang berkesan dan selama beberapa tahun, mulai 1913, telah ditindas oleh Yuan Shik-kai dan golongan panglima perang.

Munchulnya Parti Komunis China tetap juga memberi kesan kepada kehidupan politik orang China disebelah sini. Mulai 1921, penerbitan2 Komunis dalam Bahasa China telah disebarkan di Tanah Melayu dan pertubuhan2 Komunis, yang diuruskan pada umumnya oleh orang Hailam, telah munchul lebih kurang pada tahun 1923. Ini juga merupakan suatu akibat perkembangan di Negeri China. Pada awal 1920an, orang Hailam di Negeri China sedang berjuang untuk membebaskan Pulau Hainan daripada chengkaman golongan militer. Mereka yang giat terlibat didalam perjuangan itu pada umumnya adalah anasir2 sayap kiri. Maka keadaan di Pulau Hainan sendiri yang menentukan sikap politik suku Hailam di Tanah Melayu. Dan sehingga awal 1930an suku inilah yang mengendalikan gerakan Komunis di negara ini.

Pembahagian dikalangan orang China merupakan suatu faktor penting yang menghalang perkembangan Komunisma disini. Tambahan pula, kebanyakan orang China terdiri daripada peniaga2 kecil yang tidak chenderung kepada ideoloji itu dan orang China yang kaya raya amat berpengaruh didalam masharakat China. Mereka kesemuanya terikat pada Kuomintang yang, mulai 1927, menentang pehak Komunis. Maka suatu

persaingan yang hebat berlaku pada tahun2 yang berikut diantara Kuomintang dengan pehak Komunis. Walau pun organisasi Komunis bertambah rapi pada tahun 1930an dan peristiwa2 yang berlaku diNegeri China memberi kesempatan kepada pehak Komunis untuk merapatkan diri dengan orang China, pengaruh Kuomintang tidak merosot. Peristiwa2 yang dimaksudkan itu ialah pencherobohan Jepun diManchuria pada tahun 1931 dan di Negeri China pada 1937. Gerakan anti-Jepun bertambah hebat di Tanah Melayu. Setengah2 pertubuhan yang diwujudkan untuk mengelolakan gerakan itu telah diambil alih oleh pehak Komunis. Tetapi kerana gerakan2 itu perlukan banyak dana dan didalam Kuomintanglah yang terdapat mereka yang kaya raya, maka Kuomintang tetap memainkan peranan yang lebih penting dalam gerakan itu.

Suatu golongan orang China saja yang tidak tertarik dengan perkembangan2 diNegeri China iaitu orang China peranakan. Tetapi dikalangan mereka juga ada kekechualian. Kebanyakan daripada golongan ini berpe-lajaran Inggeris dan merekalah yang pada tahun 1930an membangkitkan soal2 berkenaan dengan apa yang dikenal sebagai dasar pro-orang Melayu yang diamalkan oleh Pemerintah British. Lim Cheng Ean dan Tan Cheng Lock merupakan dua orang pemimpin yang sentiasa membuat kritik2 yang tajam tentang dasar British. Tetapi pengaruh mereka atas orang China pada keseluruhannya memang terbatas.

Maka dua sifat masyarakat China sebelum Perang itu dapat dilihat dengan jelas. Pembahagian dikalangan mereka amat tegas dan, pada dasarnya, mereka hidup diTanah Melayu sebagai warganegara Negeri China yang sentiasa mengambil berat tentang perkembangan2 yang berlaku disana<sup>2</sup>

Tulisan2 dalam Bahasa Inggeris mengenai kaum China diTanah Melayu setakat ini masih tidak begitu memuaskan. Kebanyakan daripada kajian2 itu lebih chenderung menumpukan perhatian kepada chara2 Pemerintah British mengawal orang China. Maka keterangan2 tentang selok-belok masyarakat China itu terlampau dangkal. Walau bagaimana pun setengah2 karya memang berguna. Lihat mitalnya, Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, University of Arizona Press, 1965; W.Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, London, 1969; Chen Mong Hock, *The Early Chinese Newspapers of Singapore 1881-1912*, Singapore, 1967; Victor Purchell, *The Chinese in Malaya*, London, 1948; Song Ong Siang, *One Hundred Years' History of Chinese in Singapore*, London, 1923; C.S. Wong, *A Gallery of Chinese Kapitans*, Singapore, 1963; W.H. Newell, *Treacherous River: A Study of Rural Chinese in North Malaya*, London, 1962; T. Suyama, "Pang Society: The Economy of Chinese Immigrants" dalam K.G. Tregonning, ed., *Papers on Malayan History*, Singapore, 1962; G.Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur, 1971; Png Poh Seng, "The Kuomintang in Malaya", *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 2 No. 1, 1961; Maurice Freedman, "The Growth of a Plural Society in Malaya", *Pacific Affairs*, Vol. 33, no. 2, 1960. Lihat juga Khoo Kay Kim, *The Western Malay States*, Kuala Lumpur, 1971.